

GANGGUAN SEKSUAL MENURUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA DAN PERSPEKTIF ISLAM

*Ahmad Shamsul Abd Aziz **

Abstrak

Tiada sebarang peruntukan undang-undang khusus mengenai gangguan seksual di Malaysia bahkan takrifan gangguan seksual itu sendiri tidak didefinisikan oleh mana-mana akta di negara kita. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang boleh dikaitkan dengan masalah ini. Gangguan seksual boleh diletakkan di bawah kesalahan jenayah dan juga kesalahan sivil. Walaupun perhatian yang lebih diberikan oleh masyarakat terhadap masalah gangguan seksual di tempat kerja, secara hakikatnya masalah gangguan seksual turut berlaku di tempat awam, di pusat-pusat pendidikan bahkan menerusi Internet. Agama Islam turut menegah perbuatan ini yang terpesong dari ajaran yang sebenar. Artikel ini akan mengupas persoalan gangguan seksual menurut undang-undang Malaysia dan perspektif Islam.

Abstract

Sexual harassment has not been specifically stated in any provisions in Malaysian law and the word itself is not been defined by any statute. However, there are statutory provisions that may be applicable to this act. Sexual harassment falls under criminal and civil offences. Even though the issue of sexual harassment is always focused at the workplace, it may happen anywhere either in public

* Ahmad Shamsul Abd Aziz ialah pensyarah Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang, Universiti Utara Malaysia. E-mail: sham@uum.edu.my

place, academic setting or via Internet. Islam is also against this conduct as it is inconsistent with the actual teaching. This article will elaborate sexual harassment under Malaysia law and Islamic perspective.

PENGENALAN

Masalah gangguan seksual di Malaysia tidak diperuntukkan undang-undang khusus mengenainya bahkan takrifan gangguan seksual itu sendiri tidak didefinisikan oleh mana-mana akta. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang (jenayah dan sivil) yang boleh dikaitkan dengan perbuatan tersebut. Dari sudut undang-undang Islam, ternyata perbuatan melakukan gangguan seksual ini adalah sesuatu yang bertentangan dengan syara' kerana ianya sebagai satu muqadimmah kepada perlakuan jenayah seksual yang sebenar seperti rogol, sumbang mahram dan kesalahan seksual di luar tabii.

Gangguan seksual di masa lalu bukan sahaja tidak dianggap sebagai satu kesalahan bahkan ianya tidak mempunyai nama yang khusus. Masyarakat menyifatkan ianya sekadar masalah peribadi mangsa sahaja. Fenomena ini mengalami perubahan pada penghujung tahun 1970-an apabila pelbagai usaha dilakukan di negara Barat khususnya bagi meletakkan perbuatan ini sebagai suatu kesalahan (Quinn, 1977). Oleh yang demikian, gangguan seksual adalah merupakan terma baru untuk satu perlakuan yang telah lama wujud.

Mangsa gangguan seksual secara tradisinya menerima perbuatan ini sebagai suatu asam garam kehidupan, cuma sejak akhir-akhir ini sahaja ianya dilaporkan setelah masyarakat sedar ia merupakan satu kesalahan (Cecilia, Zanariah & Maria, 2003). Secara umumnya, gangguan seksual boleh berlaku di dalam empat persekitaran utama iaitu di tempat kerja, di tempat awam, di pusat-pusat pendidikan dan menerusi internet. Pelbagai usaha dari semua pihak termasuk peranan undang-undang dilihat sebagai amat kritikal untuk meminimalkan masalah gangguan seksual di Malaysia.

KONSEP GANGGUAN SEKSUAL

Mangsa kepada perbuatan gangguan seksual ini tidak membataskan jantina, usia, agama, kaum, bangsa dan warna kulit. Namun begitu, kaum wanita yang paling kerap dikaitkan menjadi mangsa gangguan seksual. Di kebanyakan masyarakat, lelaki digambarkan sebagai seorang yang berdikari, daya saing yang tinggi, agresif, rasional dan mempunyai kekuatan fizikal manakala kaum wanita pula digambarkan sebagai seorang yang emosional, pasif dan lemah (Tong, Sterba & Kourany, 1992). Ini merupakan pandangan secara umum. Pada hakikatnya, faktor-faktor ini seharusnya dibezakan dengan faktor biologi jantina. Dengan beranggapan bahawa golongan wanita adalah golongan yang lemah memungkinkan kaum wanita mudah ditindas dan dieksploitasikan.

Kadangkala terdapat juga kepercayaan sesuatu masyarakat yang meletakkan taraf kaum wanita begitu rendah dan ini menjurus kepada kekuasaan lelaki. Antara bentuk diskriminasi di dalam beberapa kepercayaan adalah seperti (United Nation, 1991):

1. “Tubuh badan wanita adalah jijik dan bukan saluran untuk patuh kepada undang-undang” menurut peribahasa Benggali.
2. “Bersyukur kepada Tuhan sekalian alam kerana tidak menjadikan aku seorang wanita” menurut kata-kata dari Buddha.
3. “Satu objek yang utama, wanita, diperlukan untuk meneruskan zuriat atau menyediakan makanan dan minuman” menurut doa Hebrew.
4. “Lelaki adalah di atas wanita dan Nabi Isa adalah di atas lelaki, ianya satu ketetapan bahawa wanita ditakdirkan hidup di bawah pengaruh lelaki dan tidak memiliki kuasa” menurut Thomas Aquinas.

Pada hakikatnya, semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi hak dan maruah. Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 8(2) juga telah dipinda dengan memasukkan fasal berhubung dengan melarang diskriminasi jantina agar selaras dengan tuntutan Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu selain dari diskriminasi bersandarkan agama, kaum, keturunan dan tempat lahir.

Terdapat tiga kesan utama akibat perbuatan gangguan seksual iaitu menurut American Psychological Association (1999) iaitu:

1. Kesan psikologi

Kesan ini termasuklah mangsa akan mengalami rasa kecewa, marah, takut, menyalahkan diri sendiri serta malu

2. Kesan psiologi

Kesan yang melibatkan kesihatan si mangsa seperti rasa pening, penurunan berat badan yang mendadak, gangguan tidur, forbia serta menimbulkan masalah di dalam perhubungan seksual.

3. Kesan terhadap pekerjaan

Ianya khusus bagi mangsa yang bekerja dan boleh menyebabkan hilang tumpuan di tempat kerja dan menjejaskan produktiviti hinggalah ke tahap pemberhentian kerja.

GANGGUAN SEKSUAL DAN UNDANG-UNDANG

Tidak terdapat sebarang akta khusus berkenaan gangguan seksual di Malaysia. Masalah utama bagi mensabitkan kesalahan gangguan seksual ini adalah dari segi pembuktian melainkan jika terdapat kesan fizikal di tubuh mangsa. Ketiadaan takrifan yang jelas mengenai bentuk perbuatan yang diistilahkan sebagai gangguan seksual juga merumitkan pesalah disabitkan dengan hukuman. Selain itu, jika sekiranya kesalahan gangguan seksual ini disabitkan dengan hukuman jenayah seperti kesalahan gangguan seksual yang berlaku di tempat awam, natur bagi hukuman jenayah adalah pesalah akan dihukum tetapi mangsa tidak akan beroleh sebarang pampasan. Ini berbeza dengan hukuman sivil yang memberikan ruang kepada mangsa dalam menuntut ganti rugi terhadap perbuatan yang dialaminya. Justeru, seperkara yang perlu diambil perhatian adalah kesalahan gangguan seksual ini boleh diletakkan dalam kesalahan sivil dan jenayah.

Sebagaimana yang diketahui, gangguan seksual ini boleh berlaku dalam 4 keadaan dan terdapat peruntukan undang-undang yang berbeza mengkenainya mengikut keadaan-keadaan tersebut.

Gangguan seksual di tempat kerja

Menurut Levy, A (1997) gangguan seksual di tempat kerja boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu:

1. *Quid pro quo* (balas budi)

Jenis gangguan ini berlaku hanya kepada seseorang yang mempunyai kuasa atau majikan yang memiliki kuasa untuk mengawal para pekerja (mangsa). Mereka yang tidak patuh kepada arahan dari ketua (yang melibatkan perlakuan gangguan seksual) akan menyebabkan rasa tertekan sewaktu menjalankan pekerjaan sehinggakan mereka diberhentikan kerja.

2. Suasana yang menimbulkan ancaman

Jenis gangguan ini berlaku di kalangan sesama pekerja tanpa mengira kedudukan atau pangkat. Perbuatan yang dikatakan melakukan gangguan seksual ini termasuklah perbincangan mengenai aktiviti seksual, sentuhan yang tidak sepatutnya, menggunakan isyarat dan bahasa lucah.

Di Malaysia, akta-akta khusus berhubung dengan pekerja dan pekerjaan seperti Akta Pekerjaan 1955, Akta Perhubungan Perindustrian 1957 dan Akta Keselamatan Pekerja dan Kesihatan 1994 tidak memperuntukkan sebarang peruntukan khas untuk gangguan seksual. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan secara tersirat boleh diterimapakai oleh mahkamah dalam membicarakan kes-kes gangguan seksual di tempat kerja. Peruntukan yang berkaitan gangguan seksual di tempat kerja menurut akta-akta ini di lihat sebagai satu kesalahan sivil yang bertentangan dengan moral dan etika serta mengganggu hak persendirian dan bukannya pensabitan jenayah.

1) Akta Pekerjaan 1955

Akta Pekerjaan 1955 ini tidak terpakai kepada kakitangan kerajaan. Gangguan seksual merupakan salah satu daripada salah laku yang serius. Seksyen 14(1) Akta Pekerjaan 1955 menyatakan:

Seseorang majikan boleh, atas alasan-alasan pengurusan yang tidak cekap, tidak selaras dengan pematuhan syarat-syarat nyata atau tersirat perkhidmatannya, selepas pertanyaan yang patut –

- (a) menyingkirkan pekerja itu tanpa notis;*
- (b) menurunkan pangkat pekerja itu; atau*
- (c) mengenakan mana-mana hukuman lain yang kurang berat sebagaimana ia anggap patut dan adil.*

Di dalam seksyen 14(3) Akta Pekerjaan 1955 pula menyebut:

Seseorang pekerja boleh menamatkan kontrak perkhidmatannya dengan majikannya tanpa notis di mana ia atau orang yang bergantung kepadanya diancam bahaya kepada orang tersebut dengan kekerasan atau penyakit supaya pekerja tersebut tidak berusaha untuk menjalankannya melalui kontrak perkhidmatannya.

Frasa “diancam bahaya kepada orang tersebut” harus diperluaskan pemakaiannya bagi memasukkan gejala gangguan seksual. Seksyen 14(3) Akta Pekerjaan 1955 ini hanya merujuk kepada bahaya dengan kekerasan iaitu adanya faktor kekerasan fizikal serta penyakit berbahaya sahaja. Bagi kesalahan gangguan seksual ianya tidak semestinya melibatkan serangan fizikal seperti perbuatan menunjukkan objek lucah serta berkata-kata lucah.

2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967

Akta ini terpakai kepada pekerja kerajaan dan badan berkanun di samping pekerja di sektor swasta. Menurut peruntukan seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perindustrian 1967 menyatakan bahawa:

Jika seseorang pekerja, tidak kira sama ada dia seorang ahli kesatuan sekerja pekerja-pekerja atau selainnya, dianggap bahawa dia

dipecat tanpa sebab atau alasan yang munasabah oleh majikannya, dia boleh membuat representasi-representasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk diambil bekerja semula dalam pekerjaannya dahulu; representasi-representasi itu bolehlah diberikan di pejabat Ketua Pengarah yang berdekatan dengan tempat pekerjaan di mana pekerja itu dipecat.

Peruntukan ini dikaitkan dengan kesalahan gangguan seksual iaitu dalam keadaan mangsa dipecat dengan pemecatan konstruktif apabila enggan melayan perbuatan-perbuatan pelaku yang bersifat lucu. Pemecatan konstruktif bermakna majikan tidak akan memecat pekerjaanya tetapi dengan cara meletakkan pekerja di dalam keadaan yang tertekan (Kamal Halili, 1990). Kelakuan majikan sedemikian adalah bagi membuatkan pekerja merasakan majikan tidak lagi memerlukannya. Representasi secara bertulis memaklumkan kepada Ketua Pengarah bahawa seseorang dipecat tanpa sebarang notis harus dikemukakan. Ketua Pengarah pula tidak boleh melayani apa-apa representasi melainkan jika representasi tersebut difailkan dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemecatan. Bagi pemecatan melalui notis, pekerja yang dipecat boleh menfailkan pada bila-bila masa semasa tempoh notis itu tetapi tidak lewat dari enam puluh hari daripada tamat tempoh tersebut. Perkara ini termaktub di bawah seksyen 20 (1A) Akta Perhubungan Perindustrian 1967.

3) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Akta ini adalah berkaitan dengan keselamatan dan masalah kesihatan pekerja agar sentiasa terjamin di tempat kerja. Ia diadakan bagi mengelakkan pekerja dari menerima pelbagai ancaman di tempat kerja termasuklah ancaman gangguan seksual. Menurut seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Pekerjaan 1994 menyatakan:

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjaanya.

Frasa “setakat yang praktik” amat luas maksudnya. Adakah memadai seorang majikan sekadar menampal notis yang menunjukkan bahawa

gangguan seksual merupakan satu kesalahan di tempat kerja tanpa mewujudkan apa-apa mekanisme untuk menghalang ianya berlaku? Penulis berpendapat bahawa peruntukan mengenai gangguan seksual seharusnya lebih spesifik dimasukkan dalam Akta ini agar pekerja mengetahui bahawa gangguan seksual merupakan sesuatu yang tidak diingini dan bersalahan di sisi undang-undang.

Pada masa ini, masalah gangguan seksual di tempat kerja banyak merujuk kepada buku panduan Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (Kod Amalan) yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1999. Kod Amalan ini tidak memberi sebarang impak perundangan sekiranya majikan enggan menguatkuasakannya seperti meletakkannya dibawah Perjanjian Bersama (CA). Kod Amalan ini mengandungi garis panduan tentang penubuhan, pembentukan dan pelaksanaan satu mekanisme dalaman bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Kod Amalan ini mengandungi garis panduan tentang penubuhan pembentukan dan pelaksanaan satu mekanisme dalaman bagi menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja. Ia bertujuan memberi panduan secara praktikal kepada majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan pihak-pihak yang berkaitan dalam melindungi maruah diri pekerja-pekerja tanpa mengira jantina. Objektif utama Kod Amalan adalah untuk memastikan gangguan seksual tidak berlaku. Jika sekiranya berlaku, terdapat prosidur yang lengkap untuk menanganinya dan memastikan ianya tidak akan berulang lagi. Kod Amalan yang mengandungi 34 Perkara di dalamnya ini juga bertujuan untuk menggalakkan perkembangan dan pelaksanaan dasar-dasar dan amalan-amalan untuk memastikan suasana di tempat kerja adalah sihat dan selamat kepada setiap pekerja tanpa mengira status atau jawatan.

Sungguhpun Kod Amalan tidak memberi sebarang implikasi undang-undang, sekurang-kurangnya takrifan maksud gangguan seksual di tempat kerja terkandung di dalamnya. Menurut Perkara 4 Kod Amalan, gangguan seksual bermakna:

Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:

- a) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaanya; atau
- b) yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima (mangsa) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Perkara 5 Kod Amalan pula menyatakan bahawa gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertamanya gangguan seksual berbentuk ugutan dan keduanya gangguan seksual berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi. Gangguan seksual yang berbentuk ugutan memberi kesan langsung kepada status pekerjaan seseorang. Ini berlaku dalam keadaan seorang pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji dan pangkat, cuba mengugut pekerja bawahan memberi layanan seksual kepadanya. Kegagalan menurut kehendak pegawai atasan tersebut akan mengakibatkan faedah itu dinafikan. Gangguan seksual berbentuk ancaman kepada ketenteraman peribadi pula ialah tingkah laku seksual yang dianggap oleh mangsa sebagai ancaman, ugutan atau penghinaan. Ianya tiada kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan.

Di dalam kes *Jenico Associates Sdn. Bhd lwn Lillian de Costa [1996] 2 ILR 1794I* Pengerusi Mahkamah tersebut, Lim Heng Seng menyatakan bahawa:

Isu gangguan seksual di tempat kerja merupakan isu yang acapkali dibincangkan tetapi tiada sebarang jurispruden perindustrian mengenainya di Malaysia.. mahkamah harus melihat kepada terma tersirat dalam sesebuah kontrak pekerjaan bahawasanya majikan harus menghormati hak dan kebormatan pekerja dan tidak harus melanggarnya.

Masyarakat mula menyedari bahawa gangguan seksual adalah merupakan satu kesalahan yang besar apabila publisiti meluas di berikan meluas terhadap kes ini. Kes ini mendapat reaksi dari pelbagai pihak dan antara punca awal tercetusnya idea dalam mewujudkan Kod Amalan tersebut.

Manakala dalam kes *Melewar Corporation lwn Abu Osman [1994] 2 ILR 807*, pihak yang menuntut diturunkan pangkat dari Pengurus Kumpulan Sumber Manusia kepada jawatan Penolong Pengurus selepas siasatan dalaman mendapati dia bersalah atas tuduhan mencabul secara fizikal pekerjaannya. Dia didapati melakukan perbuatan menyentuh alat sulit mangsa dan mengeluarkan kata-kata berbaur seksual kepada mangsa. Dia menyifatkan penurunan jawatannya sebagai satu pemecatan konstruktif di bawah seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perindustrian 1967. Mahkamah Perindustrian menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kontrak secara tersirat menyediakan suasana kerja yang selamat kepada semua pekerja termasuk pekerja wanita. Gangguan seksual merupakan pelanggaran kepada tanggungjawab ini dan yang menuntut tidak harus melakukan perbuatan tersebut.

Gangguan seksual di tempat awam

Gangguan seksual di tempat awam dilihat sebagai satu kesalahan jenayah seperti yang terkandung dalam Kanun Keseksaan menerusi:

1. Seksyen 509 Kanun Keseksaan
2. Seksyen 354 Kanun Keseksaan
3. Seksyen 355 Kanun Keseksaan

Menurut seksyen 509 Kanun Keseksaan:

Barangsiapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Jika dilihat daripada seksyen 509 Kanun Keseksaan ini, apa yang diistilahkan sebagai mengaibkan kehormatan seseorang termasuklah mengucapkan apa jua perkataan, membuat sesuatu bunyi, membuat sesuatu isyarat, mempamerkan apa jua benda dan mencero bohi ketenteraman peribadi seseorang. Kelima-lima perkara ini dilakukan dengan maksud ianya didengar

atau dilihat atau mengakibatkan terganggunya kesantunan seseorang itu. Menurut kes *Abu Hassan bin Jamal lwn Pendakwaraya* [1994] MLJ 223, tertuduh di dakwa di bawah seksyen 509 Kanun Keseksaan atas kesalahan menunjukkan kemaluan ketika berada di kantin sekolah. Mahkamah memutuskan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh tertuduh iaitu menunjukkan alat kelakiannya didorong dengan niat. Perbuatan ini mengaibkan kehormatan pihak yang terlihat kepada kejadian itu.

Kelemahan seksyen 509 Kanun Keseksaan adalah perbuatan yang disifatkan suatu kesalahan menurut undang-undang adalah sangat umum dan tidak menjelaskan bentuk perbuatan yang khusus seperti meraba, bersiul atau memeluk mangsa. Selain itu, Kanun Keseksaan seharusnya menggunakan terma gangguan seksual iaitu terma yang lebih tepat berbanding mengaibkan kehormatan atau mengganggu kesantunan.

Menurut seksyen 354 Kanun Keseksaan:

Barangsiapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

Untuk disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah peruntukan ini, perlu wujud kekarasan jenayah. Menurut seksyen 350 Kanun Keseksaan, kekarasan jenayah adalah:

Barangsiapa dengan sengaja menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang, dengan tiada kerelaan orang itu, dengan tujuan hendak menyebabkan sesuatu kesalahan dilakukan, atau dengan maksud menggunakan kekerasan itu hendaklah menyebabkan dengan menyalahi undang-undang, atau dengan mengetahui mungkin bahawa dengan menggunakan kekerasan itu ia akan menyebabkan dengan menyalahi undang-undang, bencana, ketakutan atau kegusaran kepada orang itu adalah dikata menggunakan kekerasan jenayah kepada orang itu.

Oleh yang demikian, faktor utama kekerasan jenayah adalah:

1. Bahawa tertuduh menggunakan kekerasan terhadap seseorang
2. Bahawa tertuduh melakukan kekerasan dengan sengaja
3. Bahawa tertuduh melakukan kekerasan tanpa kerelaan orang tersebut
4. Bahawa tertuduh melakukan kekerasan tersebut dengan tujuan untuk melakukan suatu kesalahan atau menyebabkan atau dengan pengetahuannya bahawa sesuatu perbuatan itu berkemungkinan akan mengakibatkan kecederaan, ketakutan atau kemarahan terhadap seseorang yang ditujukan kekerasan tersebut
5. Bahawa kekerasan tersebut menyalahi undang-undang

Seksyen 354 Kanun Keseksaan ini lebih merujuk kepada perbuatan fizikal (iaitu serangan atau dengan niat mencabul kehormatan). Seksyen ini boleh digunakan di dalam kesalahan gangguan seksual sekiranya perbuatan pelaku melibatkan serangan atau kekerasan jenayah. Di dalam kes *PP lwn Mardai* [1950] 16 MLJ 33, tertuduh didakwa dibawah peruntukan 354 Kanun Keseksaan. Tertuduh dalam kes ini tinggal bersebelahan dengan bilik mangsa. Mangsa merupakan seorang wanita yang belum berkahwin. Tertuduh telah memanjat pembahagi bilik mereka pada suatu malam dan mengugut mangsa bahawasanya dia akan bertindak memukul mangsa sekiranya mangsa menjerit. Kes ini telah ditolak oleh mahkamah berdasarkan kepada tiga keadaan:

- 1) Mangsa gagal untuk mengecam tertuduh secara tepat di dalam keterangannya selepas kejadian itu
- 2) Kegagalan untuk memanggil kedua-dua abang mangsa bagi memberi keterangan
- 3) Menolak pembuktian berhubung cahaya lampu di dalam bilik mangsa.

Mahkamah di dalam kes ini menyatakan bahawa satu keterangan sokongan amat diperlukan berhubung kes seumpama ini dalam mensabitkan tertuduh dengan tuduhan yang dibuat. Kes ini membuktikan bahawa keterangan sokongan amat diperlukan di dalam kes yang melibatkan perbuatan mencabul kehormatan termasuk kes-kes gangguan seksual.

Dalam kes *Shariff bin Kasmani* lwn *PP* [1997] *MLJ* 275, mangsa dalam kes ini menjalani rawatan tradisional dengan perayu. Semasa rawatan, mangsa diminta oleh perayu agar menanggalkan pakaiannya agar perayu dapat menyapu air limau ke tubuh mangsa. Perayu kemudiannya mengambil kesempatan dengan cuba melakukan hubungan seksual dengan mangsa tetapi mangsa mengelak. Mahkamah memutuskan bahawa perbuatan perayu bertentangan dengan kehormatan mangsa dan perayu melakukan satu serangan seksual ke atas mangsa dan bersalahan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaaan.

Seksyen 354 Kanun Keseksaaan ini menggunakan terma mencabul kehormatan dan bukannya gangguan seksual. Apakah perbezaan antara gangguan seksual dan mencabul kehormatan? Kanun Keseksaaan sendiri tidak mentakrifkan perkataan mencabul kehormatan tersebut tetapi ia boleh difahamkan sebagai sesuatu yang melibatkan serangan seksual dan memberi kesan fizikal kepada mangsa.

Peruntukan seksyen 355 Kanun Keseksaaan menyatakan:

Barangsiapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud dengan jalan demikian itu hendak menjatuhkan kehormatan orang itu, kecuali atas bangkitan marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda atau kedua-duanya.

Seksyen 355 Kanun Keseksaaan adalah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah bagi menjatuhkan kehormatan seseorang dengan niat kecuali atas satu bangkitan marah yang besar. Peruntukan seksyen 355 Kanun Keseksaaan ini tidak menggunakan istilah gangguan seksual tetapi sebaliknya memakai terma menjatuhkan kehormatan.

Gangguan seksual di pusat pendidikan

Sekiranya pelaku gangguan seksual di pusat pendidikan tinggi disabitkan dengan kesalahan jenayah gangguan seksual di bawah Kanun Keseksaaan, peruntukan-peruntukan berikut perlu dirujuk:

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 di bawah seksyen 15B(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 memperuntukkan:

Jika sesuatu kesalahan dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, sama ada atau tidak seseorang disabitkan atasnya, dan kesalahan itu dilakukan atau berupa sebagai dilakukan atas nama atau bagi pihak sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, dibawah atau mengikut perlembagaan, atau mana-mana lain pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti, maka tiap-tiap pemegang jawatan bagi pertubuhan, badan atau kumpulan itu dan tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan, badan atau kumpulan itu pada masa berlakunya kesalahan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu, melainkan jika ia membuktikan dengan memuaskan mahkamah bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

Peruntukan ini jelas menyatakan bahawa sesuatu kesalahan yang membabitkan pihak-pihak yang tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 boleh dikenakan hukuman jenayah oleh mana-mana undang-undang bertulis di negara ini.

Selain itu, dibawah seksyen 15D (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pula menyatakan:

Jika seseorang pelajar Universiti dipertuduhkan atas suatu kesalahan jenayah, maka ia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti dan ia tidak boleh, dalam masa menunggu keputusan perbicaraan jenayah itu, tinggal atau masuk dalam Kampus Universiti itu atau Kampus mana-mana Universiti lain.

Kepentingan peruntukan ini adalah dalam memastikan bahawa seorang pelajar dipertuduhkan dengan kesalahan jenayah, seperti kesalahan jenayah gangguan seksual menurut Kanun Keseksaan, maka ia harus

digantung dari pusat pengajian tersebut. Larangan juga dikenakan ke atas pelajar yang dituduh supaya tidak memasuki kawasan mana-mana kampus dalam masa menunggu keputusan mahkamah atas pertuduhan yang dikenakan.

Di bawah seksyen 16C (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971:

Majlis Universiti adalah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kaedah tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib bagi kakitangan, pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Universiti dan pelajar-pelajar Universiti.

Peruntukan ini membolehkan mana-mana Universiti atau Kolej Universiti mengadakan kaedah tatatertibnya sendiri. Oleh itu, satu tatatertib khusus berhubung masalah gangguan seksual di pusat pengajian tinggi amat penting dalam mengelakkan pelajar menjadi mangsa kepada perbuatan yang bersalahan di sisi undang-undang.

Manakala bagi kakitangan awam di pusat pendidikan seperti para guru-guru di sekolah kerajaan, mereka tertakluk kepada Perintah Am (Bab D). Di bawah Peraturan 4(2)(d), Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002:

Berkelakuan dengan sedemikian cara hingga menjatuhkan reputasi perkhidmatan awam atau menghilangkan kepercayaan terhadap perkhidmatan awamnya.

Walau bagaimanapun, pindaan Peraturan ini pada tahun 2002 di bawah Seksyen 4A turut memberi peruntukan khusus mengenai gangguan seksual.

Selain itu, bagi kakitangan badan berkanun di Malaysia termasuk Institusi Pengajian Tinggi Awam, di bawah seksyen 3 (1) (d) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 menyatakan:

Berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun.

Gangguan seksual menerusi Internet

Gangguan seksual menerusi Internet merupakan satu bentuk gangguan seksual yang terkini berbanding dengan di tiga medium yang lain. Bagi mengawal gejala ini pada tahap awal perkembangan, kerajaan memperkenalkan Akta Multimedia dan Komunikasi pada tahun 1998 bertujuan melindungi hak dan kepentingan serta pengawalan berkaitan dengan multimedia dan komunikasi di negara kita dan matlamat utama akta ini ialah:

- 1) menjadikan Malaysia sebagai tumpuan utama untuk perkhidmatan dan industri kandungan; dan
- 2) memupuk dan membangunkan sumber-sumber kandungan tempatan yang mencerminkan dan mengenengahkan identiti dan budaya nasional dalam kepelbagaian dunia.

Seksyen 211(i) Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 memperuntukkan:

Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang

Seksyen ini menyatakan bahawa pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan atau pengguna perkhidmatan aplikasi kandungan tidak dibenarkan memberi sebarang kandungan yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Perkhidmatan aplikasi kandungan berperanan penting dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Pengguna perkhidmatan aplikasi kandungan juga tidak boleh menghantar maklumat atau apa-apa perkara yang melibatkan sesuatu yang sumbang, lucu, palsu, mengancam atau jelik sifatnya. Adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang individu menyiarkan kandungan yang dianggap tidak sesuai, lucu, membahayakan lagi menyakiti atau mengancam orang lain. Begitu juga gangguan secara bertulis atau teks serta melalui imej serta gambar yang dihantar bersifat lucu adalah termasuk dalam kategori gangguan seksual. Apa yang penting, mangsa berasa terganggu dengan penerimaan mesej atau gambar lucu tersebut.

Di dalam seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula memperuntukkan:

- (1) *Seseorang yang-*
 - (a) *dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucu, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau*
 - (b) *memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik, adalah melakukan suatu kesalahan.*
- (2) *Seseorang secara sedar-*
 - (a) *dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucu bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau*
 - (b) *membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a), adalah melakukan suatu kesalahan.*

Kesalahan gangguan seksual menerusi Internet di Malaysia diharap dapat terkawal dengan wujudnya peruntukan-peruntukan ini yang boleh dikaitkan dengan perbuatan tersebut di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

GANGGUAN SEKSUAL MENURUT ISLAM

Setelah membincangkan mengenai peruntukan undang-undang di Malaysia mengenai isu gangguan seksual, perbincangan akan melihat pula masalah ini menurut perspektif Islam. Islam menegaskan bahawa perbuatan mungkar dan maksiat merupakan faktor perosak diri individu, keluarga dan masyarakat. Seseorang yang melakukan perbuatan mungkar secara tidak langsung meninggalkan ibadat dan ibadat merupakan saluran utama untuk memperolehi kejayaan. Manusia perlu menggunakan akal pemikiran yang dikurniakan Allah untuk mencari cara kehidupan yang menepati ajaran Islam berlandaskan Al-Quran dan hadis.

Islam amat menjaga perkara-perkara berkaitan kesalahan seksual kerana ia memberi kesan kepada lima tujuan utama hukum Islam iaitu menjaga agama, nyawa serta maruah diri, harta benda, akal dan keturunan (Wahbah az-Zuhaili, 1992). Hukum jenayah dalam Islam termasuklah hudud, qisas, diat dan takzir. Tujuan utama melaksanakan undang-undang jenayah Islam adalah kerana hukuman yang setimpal akan dikenakan kepada pelaku jenayah. Pelaku jenayah tersebut juga akan mendapat pengajaran melalui proses pemulihan dan bimbingan (Paizah Ismail, 1991). Ia juga dapat memberi kesan yang positif di mana jenayah dapat dihapuskan atau dikurangkan dan ini membawa masyarakat berada dalam keadaan aman dan maju.

Dalam kitab *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Ibn al-Rusyd membahagikan jenayah kepada empat ketegori (Abdul Rahman Rukaini, 2001):

1. Jenayah ke atas tubuh badan dan nyawa.
2. Jenayah ke atas harta benda.
3. Jenayah ke atas keturunan.
4. Jenayah ke atas maruah dan kehormatan.

Islam melihat perbuatan gangguan seksual sebagai sesuatu yang mencemarkan maruah dan nama baik Islam. Kesalahan ini seharusnya dikenakan hukuman Ta'zir bagi menjaga hak Allah untuk kepentingan awam serta hak individu. Hukuman Ta'zir ditentukan oleh pemerintah. Ia tidak

ditetapkan dalam Al-Quran atau hadis tetapi diputuskan oleh pemerintah. Ia dibuat dari masa ke semasa demi menegakkan kesucian dan keadilan Islam (Paizah Ismail, 2001). Ia juga dapat memenuhi tujuan pencegahan, pengajaran dan penguatkuasaan perundangan Islam.

Masalah gangguan seksual juga boleh dikaitkan dengan dengan hubungan dalam pergaulan, terutamanya berlainan jantina. Mangsa kejadian gangguan seksual pada hakikatnya bukan sahaja kaum wanita bahkan juga kaum lelaki. Dewasa ini, dengan masalah kebejatan sosial yang kian meningkat, gangguan seksual turut berlaku oleh insan sesama jantina. Islam mempunyai etikanya bagi membatasi pergaulan dan pertemuan antara lelaki dan perempuan. Terdapat empat etika utama yang perlu diamalkan dalam mengelakkan perlakuan gangguan seksual iaitu (Siti Fatimah, 2000):

- 1) Menahan pandangan mata
- 2) Bertemu dalam keadaan serius dan bertujuan baik
- 3) Menghindari berdua-duaan dengan bukan mahram
- 4) Elakkan jangkamasa pertemuan yang lama di antara bukan mahram

1) Menahan pandangan mata

Pandangan mata harus dijaga untuk mengelakkan fitnah. Dalam surah An-Nur ayat 30-31:

Katakanlah kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka merendahkan pemandangannya dan menjaga kehormatannya. Itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengatahui apa-apa yang mereka usahakan.

Katakanlah kepada orang-orang perempuan yang beriman supaya mereka merendahkan pemandangannya dan menjaga kehormatannya, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasannya, kecuali apa yang lahir daripadanya, dan hendaklah mereka tutupkan tudungnya ke lehernya. Janganlah memperlihatkan perhiasannya kecuali kepada suaminya, ayahnya, ayah suaminya, anaknya, anak suaminya, saudaranya, anak saudaranya yang lelaki dan perempuan, perempuan

muslimat, hamba sahayanya, orang-orang yang mengikutnya di antara lelaki yang tiada syahwat kepada perempuan serta kanak-kanak yang belum melihat aurat perempuan. Janganlah mereka berjalan sambil menggoyangkan kaki supaya diketahui perhiasan di kakinya. Bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.

Menurut ayat ini, perhatian perlu diberikan kepada penjagaan aurat. Pakaian haruslah sebagaimana yang digariskan oleh syariah kerana pakaian yang menjolok mata akan menimbulkan keinginan syahwat kepada pihak yang melihatnya. Ia boleh menjurus kepada perbuatan yang tidak senonoh dan tidak bermoral serta menyalahi agama. Peranan kaum Adam juga seharusnya mengelakkan diri dari melihat anggota tubuh wanita yang terdedah. Dalam surah an-Nur ayat 30 yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad) kepada kaum lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka (jangan berzina). Itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang mereka usabakan.

2) Bertemu dalam keadaan serius dan bertujuan baik

Setiap urusan yang dilakukan perlulah dilakukan dengan cara serius dan bukan berniat untuk sesuatu yang ditegah. Dalam surah Al-Ahzab ayat 32 bermaksud:

Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan lain jika kamu bertaqwa. Janganlah kamu berkata-kata dengan lembut dan manja (semasa bercakap dengan lelaki bukan mahram) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit di dalam hatinya dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik.

Ayat ini amat penting bagi wanita dalam membatasi percakapannya dengan lelaki bukan mahram untuk mengelak dari perkara yang tidak diingini. Alunan suara juga perlu dijaga oleh kaum wanita ketika berkomunikasi dengan

lelaki. Alunan suara yang merdu tanpa tujuan yang baik dianggap sebagai aurat wanita.

Percampuran antara lelaki dan wanita akan membangkitkan nafsu. Menurut surah As-Shams ayat 7-10 yang bermaksud:

Demii jiwa dan penyempurnaanmya, lalu dilhamkan (Allah) kepadanya mana yang buruk dan mana yang baik; Sesungguhnya telah menanglah orang yang membersihkan (jivanya) dan rugilah orang yang mengotorkannya.

Maruah diri perlu dijaga oleh setiap umat Islam agar gangguan seksual boleh dicegah. Islam memandang berat mengenai soal menjaga maruah ini. Sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud bermaksud:

Mahukah aku beritahu tentang apa yang terbaik dikumpul; iaitu isteri yang solehab. Isteri yang solehab adalah apabila suaminya memandang kepadanya ia menyenangkan hatinya, apabila disuruh ia taat dan apabila ditinggal ia menjaga maruah diri.

3) Menghindari berdua-duaan dengan bukan mahram

Perbuatan berdua-duaan juga amat ditegah oleh Islam. Tidak dinafikan bahawa perbuatan gangguan seksual ini mudah berlaku sekiranya tidak ada orang lain di sekeliling. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari bermaksud:

Janganlah seseorang lelaki berkehalwat dengan seorang wanita kecuali disertai mahramnya.

Justifikasi mengapa Islam tidak membenarkan berdua-duaan sesama bukan mahram adalah syaitan akan sentiasa menggoda manusia untuk membuat kemungkar. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ahmad bermaksud:

Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka janganlah sekali-kali bersendirian dengan wanita yang tidak bersama mahramnya kerana yang ketiga adalah syaitan.

Tataterbit pergaulan harus dijaga, seperti di tempat kerja misalnya, elakkan dari bekerja berdua-duaan bagi mencegah perbuatan gangguan seksual ini. Islam sentiasa menganjurkan umatnya bekerja dalam kumpulan agar ianya boleh membina kekuatan. Jangan biarkan diri sentiasa bersendiri kerana dalam keadaan ini gangguan seksual mudah berlaku. Dari riwayat Abu Daud, beliau mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya:

Tangan (kekuatan) Allah bersama-sama jemaah (kumpulan) kerana sesungguhnya serigala akan memakan kambing yang terpisah dari kumpulannya.

4) Elakkan jangkamasa pertemuan yang lama di antara bukan mahram

Pertemuan yang lama mungkin akan menimbulkan suasana yang sukar untuk menahan pandangan mata. Hal ini akan berpanjangan apabila bangkitnya syahwat. Surah Al-Imran ayat 14 yang bermaksud:

Dijadikan keindahan kepada manusia itu keinginan (syahwat) kepada wanita, anak-anak, harta yang banyak daripada emas, perak, kuda pilihan, binatang ternakan dan sawah ladang yang banyak. Itulah kesenangan hidup dunia dan di sisi Allah tempat kembali.

Gangguan seksual ini boleh dielakkan sekiranya kita mematuhi ajaran yang ditetapkan syara'. Islam tidak menghalang wujudnya percampuran antara lelaki dan wanita, namun batas-batas pergaulan mengikut unjuran Islam harus dijaga kerana jika mengingkari hukumnya adalah haram. Dalam surah an-Nisa' ayat 14, Allah berfirman yang bermaksud:

Barangsiapa mendurhakai Allah dan rasulNya dan melampaui batas-batasNya, nescaya Allah memasukkannya ke dalam neraka serta kekal didalamnya, dan untuknya siksa yang menghinakan.

Oleh yang demikian, melakukan sesuatu yang ditegah oleh agama akan mengakibatkan seseorang melakukan perbuatan haram dan berdosa

KESIMPULAN

Gangguan seksual perlu ditangani oleh semua pihak. Malaysia mungkin tidak memerlukan satu akta khusus berkaitan gangguan seksual tetapi cukup dengan membuat pindaan kepada beberapa peruntukan yang sedia ada. Satu takrifan yang universal mengenai apakah bentuk perlakuan yang dikatakan gangguan seksual dirasakan amat kritikal untuk diwujudkan. Tiga faktor utama yang harus difikirkan untuk tujuan ini ialah:

- i) Perlakuan yang dikatakan lucah
- 1) Wujudnya keadaan mangsa terganggu akibat perbuatan lucah tersebut
- 2) Pelaku melakukan perbuatan tersebut dengan niat.

Sekiranya umat manusia pada hari ini kembali kepada ajaran agama yang mementingkan kesejateraan dalam kehidupan, masalah gangguan seksual ini dapat dielakkan dari berleluasa.

RUJUKAN

Abdul Rahman Rukaini. 2001, *Jinayah*. Kuala Lumpur: Synergymate Sdn. Bhd.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Akta Jenayah Komputer 1997.

Akta Pekerjaan 1955.

Akta Multimedia dan Komunikasi 1998.

Akta Perhubungan Perindustrian 1957.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

American Psychological Association. 1999, *Sexual harassment: myths and realities*, Washington DC.

Cecilia, Zanariah & Maria. 2003. *A pioneering step: sexual harassment & the Code of Practice in Malaysia*. Petaling Jaya: Women’s Development Collective Industrial Law Report.

Kamal Halili. 1990, *Hubungan undang-undang majikan dan pekerja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kanun Keseksaan.

Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja.

Levy, A. 1997. *Workplace sexual harassment*. London: Simon & Schuster Co. Malayan Law Journal.

Paizah Ismail. 1991. *Undang-undang jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.

Quinn, R. 1977. Coping with cupid: the information and management of romantic relationships in organizations. *Administrative Science Quarterly*.

Tong, R, Sterba, J & Kournay, J. 1992. *Feminist philosophies-problems. Theories and Applications*. New York: Prentice Hall Inc.

Siti Fatimah Abdul Rahman. 2000. *Kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja: cerminan etika Islam*. Terdapat di http://www.ikim.gov.my/bm/artikel/1992-2000/1rc_27.htm

United Nation. 1991. *Women-challenges to the year 2000*.

Wahbah az-Zuhayli. Terjemahan Yusoff Zaki Yacob. 1992. *Mengenal hukum budud*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.